

1. Perjanjian Pangkor ditandatangani di atas kapal perang British, iaitu HMS Pluto. Mengapakah diadakan perjanjian tersebut?

- ☐ A Mengukuhkan ekonomi
- ☐ B Memelihara kedaulatan
- ☐ C Menamatkan perselisihan
- ☐ D Menstabilkan pentadbiran

2. Antara berikut, kuasa manakah yang berusaha menguasai negeri-negeri Melayu berikut?

- Perak
- Pahang
- Negeri Sembilan

- ☐ A Rusia
- ☐ B British
- ☐ C Perancis
- ☐ D Sepanyol

3. Antara berikut, manakah merupakan faktor-faktor pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

- I Menyeragamkan pentadbiran
- II Faktor persekitaran
- III Sistem perhubungan.
- IV Menangani masalah kewangan Pahang

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

4. Apakah peranan yang dimainkan oleh pembesar Melayu dalam perdagangan bijih timah?

- I Pemilik lombong
- II Pengusaha kilang
- III Penasihat kegiatan pengeksportan
- IV Pembekal keperluan perbelanjaan

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

5. Rajah berikut menunjukkan perubahan pengaruh bagi kawasan tersebut.

Di dalam kawasan Sungai Ujong

- Kajang
- Semenyih
- Beranang



Sebahagian daripada Kesultanan Selangor

- Kajang
- Semenyih
- Beranang

Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- ☐ A Perebutan takhta
- ☐ B Peperangan saudara
- ☐ C Rundingan pemimpin
- ☐ D Pemindahan pusat pentadbiran

6. Pembesar Melayu memperoleh kawasan pegangan untuk mengusahakan perlombongan bijih timah daripada sultan.
Bagaimanakah cara kawasan tersebut diperoleh?

- ☐ A Surat tauliah
- ☐ B Tanah anugerah
- ☐ C Sewaan tahunan
- ☐ D Pemberian konsesi

7. Mengapakah kumpulan pelombong Cina yang berikut terlibat dalam Perang Larut?

- Hai San
- Ghee Hin

- ☐ A Mempertahankan hak
- ☐ B Desakan pedagang luar
- ☐ C Permintaan pembesar
- ☐ D Membangunkan ekonomi

8. Jadual yang berikut merujuk perjanjian yang dimeterai antara British dengan pihak Melayu.

Tahun	1874
Perjanjian	Perjanjian Pangkor
	Perjanjian British-Sungai Ujong

Apakah persamaan syarat antara perjanjian tersebut?

- ☐ A Kubu pertahanan dibina
- ☐ B Warisan tradisi dikekalkan
- ☐ C British menguasai pungutan cukai
- ☐ D Pemerintah bebas mentadbir negeri

9. Maklumat berikut menerangkan peristiwa yang berlaku di Selangor.

Pada 16 November 1873, sekumpulan lanun telah menyerang sebuah kapal dagangan British yang dalam pelayarannya ke Melaka berhampiran dengan perairan Kuala Langat. 8 orang daripada 9 orang anak kapal yang merupakan rakyat British dibunuh.

Sumber: [tps://ms.wikipedia.org/wiki/Campur_tangan_British_di_Tanah_Melayu#Kegiatan_lanun](https://ms.wikipedia.org/wiki/Campur_tangan_British_di_Tanah_Melayu#Kegiatan_lanun)

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut terhadap negeri Selangor?

- ☐ A Petempatan lanun diserang
- ☐ B Sultan dipaksa turun takhta
- ☐ C Residen British dilantik
- ☐ D Rakyat berpecah belah

10. Tokoh berikut pernah dilantik dalam pentadbiran British di Selangor.

Frank Swettenham


Beliau menetap di _____.

- ☐ A Klang
- ☐ B Langat
- ☐ C Bernam
- ☐ D Shah Alam

11. Apakah alasan Andrew Clarke, iaitu Gabenor Negeri-negeri Selat menyokong Raja Abdullah dalam tuntutan beliau sebagai Sultan Perak?

- ☐ A Mewujudkan keamanan
- ☐ B Memakmurkan ekonomi
- ☐ C Memelihara kemerdekaan
- ☐ D Melindungi golongan peribumi

12. Peta berikut menunjukkan keanggotaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.



Apakah iktibar daripada penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

- ☐ A Bersatu membawa kejayaan
- ☐ B Semangat Juang yang tinggi
- ☐ C Kepimpinan yang berwibawa
- ☐ D Berhati-hati dengan kuasa asing

13. Rajah berikut merujuk kepada keanggotaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.



Residen Jeneral yang pertama di Negeri-negeri Melayu Bersekutu ialah...

- ☐ A J.W.W. Birch.
- ☐ B Francis Light.
- ☐ C Andrew Clarke.
- ☐ D Frank Swettenham.

14. Tindakan berikut diambil oleh British pada tahun 1896.


Penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

- Kelemahan Sistem Residen
- Menyeragamkan pentadbiran
- X

Apakah faktor X?

- ☐ A Memudahkan pungutan cukai
- ☐ B Mengatasi krisis kewangan
- ☐ C Mengembalikan kuasa sultan
- ☐ D Memelihara kesejahteraan rakyat

15. Rajah yang berikut menerangkan ciri Sistem Residen.



Apakah X?

- ☐ A Sultan menggubal undang-undang
- ☐ B Sultan menguasai pemungutan cukai
- ☐ C Kedudukan pembesar negeri dimansuhkan
- ☐ D Pegawai British mengambil alih peranan pembesar

16. Kapal berikut pernah digunakan oleh British untuk menandatangani perjanjian dengan pemimpin negeri-negeri Melayu.

HMS Pluto

Peristiwa tersebut melibatkan _____.

- ☐ A Perjanjian Pangkor
- ☐ B Perjanjian British-Pahang
- ☐ C Perjanjian British-Selangor
- ☐ D Perjanjian British-Sungai Ujong

17. Jadual berikut berkaitan dengan kegiatan ekonomi yang diusahakan oleh masyarakat tempatan di negara kita.

Aktiviti melombong bijih timah.

Bilakah bermulanya aktiviti tersebut dilakukan?

- ☐ A Abad ke-13
- ☐ B Abad ke-14
- ☐ C Abad ke-15
- ☐ D Abad ke-16

18. Frank Swettenham pernah berkhidmat di negeri-negeri Melayu dari tahun 1896–1900. Apakah jawatan yang disandang oleh beliau ketika itu?

- ☐ A Residen British
- ☐ B Residen Jeneral
- ☐ C Residen Konsular
- ☐ D Pesuruhjaya Tinggi British

19. Berapakah kadar cukai yang dikenakan ke atas setiap ekar tanah pertanian yang perlu dibayar oleh pemilik tanah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

- ☐ A 25 sen
- ☐ B 50 sen
- ☐ C 60 sen
- ☐ D 80 sen

20. Rajah berikut menunjukkan perubahan kaedah melombong emas di Pahang.



Mengapakah berlaku perubahan kaedah tersebut?

- ☐ A Kehadiran orang Cina
- ☐ B Kemasukan orang Eropah
- ☐ C Kemantapan pentadbiran
- ☐ D Kerjasama antara pemimpin